

ASPEK-ASPEK KOMPETENSI HOLISTIK GURU DALAM PENGAJARAN DI SEKOLAH MENENGAH

Andi Ernawati*, Ahmad Johari B Sihes

Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia
Skudai-Johor, Malaysia

*e-mail:ernaandi40@yahoo.com

ABSTRAK:

Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk mengenalpasti aspek-aspek kompetensi holistik guru dalam pengajaran di sekolah menengah kebangsaan Bandar Makassar, Negeri Sulawesi Selatan Indonesia dengan menggunakan kaedah kualitatif. Data kualitatif diperolehi daripada temu bual ke atas 12 orang responden iaitu penyelia pendidikan, pengetua sekolah, dan guru pakar sekolah menengah kebangsaan di Bandar Makassar. Terdapat empat aspek kompetensi yang diperlukan guru sekolah menengah yang diperolehi daripada data temu bual iaitu aspek pengetahuan mengajar, kemahiran dalam mengajar, kecerdasan emosional, dan spiritual. Aspek-aspek tersebut mesti ada dalam diri guru secara holistik dan seimbang untuk melaksanakan tugas terutamanya dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Kata Kunci : Aspek-aspek kompetensi, holistik, pengajaran.

1. PENDAHULUAN

Prinsip asas daripada sesebuah model kompetensi adalah bahawa prestasi seseorang dalam pekerjaannya akan meningkat apabila memiliki semua aspek-aspek kompetensi yang diperlukan untuk melaksanakan tugasannya (Siraj & Ibrahim, 2012), tidak terkecuali profesion guru. Guru adalah pelaku utama dalam mana-mana inisiatif yang bertujuan untuk meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P). Mengikut Siraj & Ibrahim (2012) bahawa konsep kompetensi merujuk kepada pengetahuan, kemahiran, dan peribadi yang perlu bagi melaksanakan sesuatu tugas dan tanggungjawab. Konsep ini disokong oleh Daud Ibrahim (2003) bahawa kompetensi ditakrifkan sebagai gabungan aspek pengetahuan, kemahiran, dan ciri-ciri peribadi yang perlu dimiliki serta diamalkan bagi melaksanakan sesuatu pekerjaan atau jawatan.

Seorang guru yang berkesan dilihat daripada kualiti dan keberkesanan pengajarannya (Lin, et al., 2010; Nadeem, et al., 2011). Kewujudan guru-guru yang berkecayaan dan berkualiti di dalam bilik darjah akan memastikan kualiti hasil belajar pelajar pun meningkat (Boyd, Goldhaber, Lankford, & Wyckoff, 2007; Koedel, 2008; Lin, 2010; Metzler & Woessmann, 2010). Di dalam kajian Camerino (2009) juga mencadangkan bahawa kompetensi guru memainkan peranan penting dalam mengejar perubahan ke arah yang positif dan meraih keberjayaan. Boleh dipastikan bahawa kejayaan guru dalam tugasannya mempunyai implikasi langsung untuk kualiti belajar pelajar. Sebaliknya guru yang tidak berkompeten merupakan faktor penyebab masalah dalam pembelajaran dan proses pendidikan pada amnya (Abdul Rahim Hamdan, et al., 2006).

Kekuatan suatu bangsa dipengaruhi oleh sistem pendidikan, dan keberkesanan sistem pendidikan bergantung pada kualiti guru (Achwarin, 2009; Halimah Harun, 2006; HDEAPR 2010). Oleh yang demikian, guru memiliki peranan penting dalam proses pendidikan suatu negara. Berhubungkait dengan kompetensi guru dalam pengajaran, pelbagai kajian telah dijalankan di luar Negara menyatakan bahawa guru belum melaksanakan aktiviti P&P dengan baik (Abd. Shatar Bin Che Abd. Rahman, 2007; Hendricks, 2008; Siddiqui, 2010).

Masalah di Indonesia tidak jauh berbeza dengan negara lain, mengenai kualiti pendidikan, dinyatakan bahawa masih sahaja banyak ditemukan kompetensi pengajaran guru kurang (Azra, 2002; Dunia Pendidikan, 2012; Sukmadinata, 2006). Perkara tersebut disokong oleh dapatan kajian

Mattarima (2011) pada sekolah menengah di Bandar Makassar Indonesia, masih menghadapi banyak halangan diantaranya ialah guru belum berkemahiran dalam merumuskan silabus, rancangan pengajaran dan bahan pembelajaran seperti modul pembelajaran, serta masih melakukan penilaian yang kurang tepat. Manakala Kementerian pendidikan kebangsaan Indonesia melaporkan bahawa purata keputusan peperiksaan kompetensi guru di Sulawesi Selatan (39.40%) berada di peringkat bawah purata kebangsaan (42.25%), di dalam akhbar Pare Pos (14 September, 2012). Bilangan tersebut menunjukkan perlunya perbaikan kompetensi guru secara berterusan di Sulawesi Selatan.

Guru masih belum memiliki kepakaran dalam pedagogi, didaktik dan metodik, kemahiran sosial dan keperibadian, khasnya berdisiplin, bermotivasi, dan kerja berpasukan (Sanusi, 2007). Selain itu, guru masih belum memiliki pengetahuan dan kemahiran dalam menguruskan pelajar, keperibadian yang masih labil serta penguasaan terhadap bahan pelajaran masih dangkal (Musfah, 2011). Inilah salah satu cabaran terberat dalam reformasi pendidikan iaitu kurangnya pengetahuan asas yang dimiliki oleh para pelaku pendidikan (Cheng, 2005). Masih lemahnya penguasaan aspek-aspek kompetensi guru inilah yang mendominasi dan menjadi isu utama sekaligus cabaran dalam dunia pendidikan semasa.

Kompetensi menunjukkan kemampuan guru menggunakan pengetahuan dan kemahirannya dalam aktiviti praktikal profesionalnya (Ogienko & Rolyak, 2009). Kompetensi guru yang merangkumi pengetahuan, kemahiran, dan perilaku tertentu terutamanya di dalam bilik darjah merupakan faktor penting yang mempengaruhi matlamat pendidikan dan pembelajaran di sekolah agar supaya dapat melahirkan graduan pendidikan yang berkualiti (Khatoun, Azeem, & Akhtar, 2011; Passos, 2009; Selvi, 2010; Wachidi, 2010).

Pengetahuan adalah penting untuk dikuasai kaitannya dengan pengajaran, mata pelajaran bahkan yang berkorelasi dengan itu agar guru dapat memberi bekal pengetahuan secara meluas kepada pelajar. Bahawa pengetahuan guru merupakan kunci keberkesanan pengajaran (Campbell, Kyriakides, Muijs, & Robinson, 2004; Cothran & Kulinna, 2008; Gurney, 2007; Shulman, 1986, 1987). Disamping itu, guru ialah seseorang yang mampu melaksanakan kemahiran tertentu untuk menjalankan fungsi pengajarannya (Abdul Rahim Hamdan, Mohd Najib Ghafar, & Lily Ting Hwa Li, 2010; Kyriacou, 1991). Seterusnya, tanpa keperibadian dan jiwa sosial yang kuat, guru akan sulit melaksanakan tugasannya dengan baik dan berjaya, bahkan akan memunculkan pengaruh negatif terhadap pelajar. Perkara ini diperlukan bagi menggalakkan pertumbuhan emosi dan sosial yang bersesuaian demi mengurangkan gangguan di bilik darjah (Goleman, 1996, 2000; Jordan & Métais, 2000).

Membina dan mengembangkan satu model kompetensi adalah penting untuk mengintegrasikan aspek-aspek yang diperlukan bagi meningkatkan prestasi kerja sebuah profesi secara menyeluruh/holistik. Tipologi holistik berguna dalam memahami gabungan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan sosial yang diperlukan untuk keberkesanan profesi tertentu (Deist & Winterton, 2005). Selanjutnya, Deist and Winterton (2005) menyatakan penggabungan aspek-aspek ini mewakili pelbagai dimensi pendekatan kecekapan holistik secara meluas dan menyediakan peluang yang lebih baik dan bersinergi. Walaupun pada akhirnya penyelidikan tersebut memberi saranan mengenai adanya unsur *value*/nilai dalam pendekatan pelbagai dimensi kompetensi. Kesimpulan daripada kajian tersebut bahawa dalam model holistik kompetensi terdiri daripada empat bahagian iaitu *cognitive competence*, *functional competence*, *social competence*, dan *meta competence*. Hasil kajian ini selari dengan model kompetensi individu profesional yang digabungkan iaitu *knowledge/cognitive competence*, *functional competence*, *personal competence*, dan *values/ethical competence* dalam "*Towards a holistic model of professional competence*" (Cheetham & Chivers, 1996).

Rumpun psikologi Gestalt juga menekankan keseluruhan secara terpadu, kerana alam kehidupan dan perilaku manusia sentiasa merupakan suatu keseluruhan, atau suatu keterpaduan. Teori Gestalt menganggap bahawa keseluruhan itu lebih bermakna daripada bagian-bagian. Kerana bagian-bagian tersebut akan bermakna apabila ada dalam keseluruhan. Sebagai contoh, dalam membelajarkan pelajar bukanlah hanya mengembangkan aspek kognitifnya saja. Akan tetapi juga mengembangkan peribadi pelajar seutuhnya. Mengajar itu bukanlah menumpuk memori anak dengan fakta-fakta yang

lepas-lepas tetapi membangunkan keseluruhan potensi yang ada dalam diri pelajar. Oleh itu, untuk membina kecemerlangan pelajar maka kompetensi guru mesti bersifat holistik dan salah satu diantaranya adalah guru yang mempunyai ciri-ciri keperibadian unggul.

Kompetensi holistik guru dalam pengajaran bertujuan untuk membangunkan keupayaan atau potensi diri supaya terdapat keseimbangan antara aplikasi intelektual dan emosional dalam mengujudkan kemahiran yang berkesan dengan sajian kreatif terhadap proses P&P untuk melahirkan pengajar/pendidik kompeten. Walaubagaimanapun, kemampuan pengajaran guru yang mengandungi kompetensi secara holistik boleh melahirkan pelajar yang kreatif dalam belajar. Aspek-aspek kompetensi ini pastinya tidak mesti hanya berasaskan dan berorientasikan pada penubuhan sosok guru sebagai seseorang pendidik keilmuan, melainkan juga banyak menyentuh dengan sosok guru sebagai seorang pendidik yang berwatak baik dan sesuai. Kajian ini menerangkan pelbagai aspek yang perlu ada dalam membentuk kerangka kompetensi holistik yang diperlukan guru dalam pengajaran.

2. METODOLOGI

Kajian ini telah dijalankan untuk menjawab soalan kajian iaitu apakah aspek-aspek kompetensi holistik yang perlu dimiliki guru dalam pengajaran pada Sekolah Menengah Atas mengikut penyelia pendidikan, pengetua sekolah, dan guru pakar?

Temu bual telah dijalankan di Bandar Makassar, Negeri Sulawesi Selatan, Indonesia ke atas 12 responden iaitu empat dari kalangan penyelia pendidikan, empat pengetua sekolah, dan empat guru pakar telah bersetuju untuk menjadi subjek kajian. Temu bual dilakukan dengan cara *one-on-one interview* (Creswell, 2008). Perkara ini dilakukan dengan pertimbangan kelapangan masa yang dimiliki oleh responden tidak sama. Demografi responden kajian dianalisis berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada borang temu bual & hasil rakaman. Analisis data deskriptif kualitatif diperolehi daripada hasil transkripsi temu bual secara manual dengan menggunakan sistem koding. Penyajian data yang dijalankan untuk analisis temu bual daripada responden telah dikodkan seperti R01/PP/L(P), R05/PS/L(P), dan R09/GP/L(P). R01-R12 adalah bilangan responden yang ditemu bual, PP adalah penyelia pendidikan, PS adalah pengetua sekolah, dan GP adalah guru pakar, manakala L (P) adalah jantina responden.

3. DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Profil responden kajian mengikut jadual latar belakang/demografi responden kualitatif seperti pada jadual 3.1. berdasarkan kod bilangan responden, jawatan, jantina, tempoh berkhidmat, dan tempoh mengajar, serta tahap pendidikan.

Berdasarkan jadual 3.1 di bawah ini, bilangan responden yang telah berpartisipasi untuk temu bual adalah 12 orang. Responden lelaki terdiri atas 9 orang dan perempuan 3 orang, daripada jawatan penyelia pendidikan (PP), pengetua sekolah (PS), dan guru pakar (GP). Tempoh berkhidmat daripada jawatan tersebut adalah antara 3 tahun sehingga 12 tahun, manakala tempoh mengajar antara 18 tahun sehingga 30 tahun. Tahap pendidikan tertinggi responden amnya sarjana (S-2), terdapat seorang yang berpendidikan sarjana muda (S-1), dan seorang lagi berpendidikan doktor (S-3).

Jadual 3.1: Latar Belakang Responden Temu Bual

o	Kod bil.Responden	Jawatan	Jantina	Tempoh Berkhidmat	Tempoh Mengajar	Tahap Pendidikan
	R01	PP	Lelaki	12 thn	28 thn	S-3
	R02	PP	Lelaki	3,5 thn	24 thn	S-2
	R03	PP	Perempuan	8 thn	30 thn	S-2
	R04	PP	Perempuan	3 thn	28 thn	S-2

	R05	PS	Lelaki	9 thn	25 thn	S-2
	R06	PS	Lelaki	5thn	28 thn	S-2
	R07	PS	Lelaki	6 thn	27 thn	S-2
	R08	PS	Lelaki	3 thn	28 thn	S-1
	R09	GP	Lelaki	11 thn	18 thn	S-2
0	R10	GP	Lelaki	4 thn	22 thn	S-2
1	R11	GP	Lelaki	12 thn	18 thn	S-2
2	R12	GP	Perempuan	5 thn	22 thn	S-2

Perkataan holistik berasal dari bahasa Inggeris iaitu *holistic* yang mempunyai arti menyeluruh, dalam arti menekankan pentingnya keseluruhan dan saling keterkaitan dari bahagian-bahagian menjadi satu unsur. Ertinya, di dalam proses pendidikan yang holistik, terdapat kombinasi antara keterlibatan etika dan pengetahuan yang padu untuk tujuan bersama (Argyros, 2012). Dapatan kajian berdasarkan maklum balas daripada responden temu bual menunjukkan pentingnya kepemilikan aspek-aspek kompetensi secara holistik. Seperti pernyataan responden yang mewakili setiap kategori seperti berikut:

Selain pengetahuan dan keterampilan, kalau kita tidak punya kecerdasan emosional itu, kan kita bisa tidak terkendali. Artinya juga harus ada selalu aspek spiritual, supaya oke lah bu...Dan aspek spiritual itu mesti melekat pada diri kita, dan yang kelihatan itu kan aplikasinya. Jadi salah satu aplikasi spiritual itu adalah apa yang kita tampilkan, tanggung jawab. (R04PPP).

Karena tanggung jawab itu kan, muncul dari penggabungan tiga itu, yaitu pengetahuan, keterampilan dan sikap yang mesti dimiliki oleh guru, jadi ketiga-tiganya tidak bisa dipisahkan. (R11GPL).

Kita perlu sejajarkan nilai-nilai spiritual, keagamaan dan nilai-nilai akademik, harus menyeluruh... Jadi kadang-kadang pintarki mengajar tapi katakanlah tidak ada nilai akhirnya, hanya saja melaksanakan kewajiban, tugas.. yah, harusnya seimbang..kesadaran spiritualnya ada untuk melaksanakan tugas..(R05PSL).

Berdasarkan pandangan tersebut, jika kata holistik ini dipakai dalam rangka aktiviti pengajaran di sekolah maka mempunyai arti pengajaran yang diberikan kepada pelajar dengan menampilkan kemampuan secara utuh dan seimbang daripada pelbagai aspek-aspek kompetensi yang diperlukan, memahami dan menghayati peranan aspek-aspek tersebut, dan bagaimana guru dapat menerapkan dalam praktik pengajaran. Jadi kompetensi holistik dalam pengajaran adalah kemampuan yang dimiliki oleh guru terhadap aspek-aspek kompetensi yang menyeluruh, seimbang dan padu dalam aktiviti pengajaran. Aspek-aspek tersebut dibincangkan secara singkat berikut ini:

i. Aspek pengetahuan mengajar

Penjelasan responden mengisyaratkan pentingnya memaksimumkan kompetensi pengetahuan mengajar guru seperti berikut:

Masih banyak guru yang tidak memiliki kompetensi akademik yang maksimal, makanya saya bilang begini bu yang pertama itu sebenarnya aspek kompetensi akademiknya, ketika kita punya kemampuan akademik bagus, maksimal maka apapun dikasi pasti berjalan juga secara maksimal bu..bagaimana pengelolaan kelas mau baik bu, kalau guru penguasaan materi tidak, kita itu mesti punya kompetensi pengetahuan mengenai materi...(R04PPP).

...itulah yang dimaksud dengan kemampuan pedagogik, bagaimana membawakan materi itu dengan mudah difahami anak-anak, itu dinamakan kompetensi pedagogik, bagaimana memberikan pelajaran itu dengan mudah dengan cara kita sendiri atautkah dengan cara yang lain...yah ada strategilah (R11GPL).

Berdasarkan analisis data temu bual, pengkaji mendapati beberapa indikator yang muncul dalam jawapan responden yang selari dengan pendapat Shulman (1986; 1987); Darling-Hammond & Baratz-Snowden (2009) mengenai aspek-aspek pengetahuan mengajar iaitu: pengetahuan kandungan, pengetahuan pedagogi am, pengetahuan kandungan pedagogi, pengetahuan tentang kurikulum, pengetahuan tentang pelajar, dan pengetahuan tentang tujuan dan nilai pendidikan.

ii. Aspek kemahiran mengajar

Berdasarkan maklum balas responden berikut, dijelaskan bahawa proses P&P memerlukan persiapan dan penyediaan. Artinya aktiviti ini dijalankan secara sengaja, dipersiapkan dalam bentuk perancangan, persiapan dan persediaan sebagai kegiatan integral dari proses P&P di sekolah. Pernyataan responden seperti berikut:

...bagaimana caranya mengajar kalau tanpa perencanaan yang baik, jadi kan bekerja itu dibatasi oleh waktu, dan materi itu bisa kita eksplorasi lebih luas lagi.... Misalnya, dalam membuat RPP guru merumuskan tujuan berdasarkan kurikulum, karakteristik siswa, serta menyusun materi ajar dengan baik. Kemudian jangan lupa, menjadi penting juga bagi guru untuk menyiapkan alat bantu pembelajaran, untuk menambah kualitas pengajaran dan alat evaluasi dengan menggunakan berbagai model penilaian untuk memantau kemajuan siswa, lalu memanfaatkan hasilnya untuk umpan balik serta sebagai acuan kegiatan selanjutnya..(R01PPL)

Seterusnya, pelaksanaan pengajaran merupakan penerapan daripada rancangan pembelajaran merangkumi aktiviti awal, aktiviti inti, dan aktiviti penutup, serta aktiviti tindak lanjut berupa penilaian, seperti petikan pendapat responden berikut ini:

...kama saya bilang tugas utama guru kalo di kelas hanya tiga saja, membuat perencanaan, melaksanakan, dan membuat evaluasi itu saja bu...tapi toh..seperti itu (R04PPP)

Mesti guru faham apa kegiatan awal, apa kegiatan inti dan apa kegiatan penutup yang harus dilakukan seorang guru itu...dan dari ketiga langkah-langkah kegiatan di kelas itu, ada lagi yaitu kegiatan penilaian..ada waktu tertentu selain penilaian proses..namun harus diingat bahwa, e.. menilai siswa itu ada tiga unsur akademiknya, psikomotoriknya, dan sikap siswa (R09GPL)

Kesimpulan dapatan kajian bahawa keberhasilan P&P disokong oleh peranan kemahiran mengajar dengan pelbagai komponen mulai dari perancangan sehingga penilaian yang disokong kemampuan menggunakan alat teknologi maklumat dan komunikasi (Kyriacou, 1991; Bowes, D'Onofrio, & Marker, 2006; Mishra & Koehler, 2006). Oleh itu, mengikut Turner-Bisset (2010) guru dalam mengajar dikehendaki menggunakan pelbagai kemahiran secara serentak.

iii. Aspek emosional guru

Setiap masa guru akan berhadapan dengan faktor emosi samaada emosi sendiri mahupun emosi pelajar dan orang lain di persekitaran sekolah. Hasil kajian menunjukkan di bawah aspek emosional ini mengandungi faktor kecekapan sosial dan keperibadian guru. Faktor kecekapan sosial terdiri atas konsep kesedaran sosial dalam bentuk empati dan kemahiran sosial. Selain itu, diperlukan pula kecekapan keperibadian guru yang akan berpengaruh terhadap perkembangan keperibadian pelajar iaitu motivasi, kesedaran sendiri, dan pengurusan emosi. Dapatan ini menyokong pendapat Goleman (1996; 2000) bahawa faktor emosional yang cerdas diperlukan untuk mengawal gangguan dalam aktiviti P&P. Kaitannya dengan ini, para responden mendedahkan seperti berikut:

...karena itu tadi suksesnya seorang guru di kelas itu karena kesadaran yang tinggi, bukan karena intelektual yang tinggi saja...(R1GPL)

..selain inovasi, inisiatif dan optimis itu senantiasa harus ada, seiring dengan kondisi, dan apa namanya situasi yang memang agak berbeda utamanya di lingkungan sekolah, atau situasi perkembangan pendidikan saat ini..(R2PPL)

seorang guru dituntut adanya perasaan sensitivitas, maksudnya adalah adanya saling pengertian, mampu membaca keinginan siswa. yang kedua adalah kepedulian terhadap siswa dan

orang tua, jadi kalau tiga kali masuk kemudian siswa ini tidak hadir harusnya dicari tahu kemana anak ini, sebagai orang tua di sekolah... (R1GPL)

Berdasarkan pelbagai pandangan di atas, seorang guru itu perlu mempunyai sifat kepedulian agar dapat memahami masalah yang dihadapi pelajar dan cuba untuk berada di dalam keadaan pelajar. Selain itu, motivasi yang tinggi dapat menumbuhkan inisiatif dan optimistik untuk menggerakkan pelajar dan orang lain dengan usaha yang penuh semangat dan kegairahan. Walaupun cabaran dan kegagalan selalu menghadang tetap berkekal dalam usaha mengejar kejayaan.

iv. Aspek spiritual guru

Hasil temu bual juga menunjukkan bahawa satu aspek yang sangat diperlukan oleh seorang guru adalah aspek spiritual. Responden guru pakar dan pengetua sekolah menyatakan seperti berikut:

Kita memberi wejangan kepada siswa tapi kita kadang lupa dengan itu, jadi satunya kata dengan perbuatan lah. Dan satu bahwa ini semua akan kita pertanggungjawabkan di hadapan Tuhan. Inilah yang harus senantiasa melekat pada diri guru.. Yah.. kembali lagi kita sebagai seorang guru, itu kan sejak awal kita memang sudah siap dengan berbagai resiko yang ada, yang jelasnya kalau kita tulus dan ikhlas sebesar apapun tantangan di kelas itu kita akan menyelesaikan masalah....(R12GPP)

yang penting kedewasaan, dan budaya berfikir guru-guru, menyadari akan tugas dan tanggung jawabnya sebagai pekerjaan mulia, sebagai amanah Yang di atas (Allah swt), selalu memikirkan kemajuan siswa dan sekolah...kalau memang mengajar itu bagian dari hobby bagian dari seni setiap individu, kalau memang kita mencintai profesi kita, kita pasti akan ikhlas mengajar, apapun profesi orang kalau tidak ikhlas, tidak akan mungkin tercapai tujuan itu, dan 100% apa yang kita kehendaki. Jadi faktor utama adalah keikhlasan (R07PSL)

Dengan berlandaskan amanah dan tanggung jawab serta keikhlasan, didasari aplikasi kesadaran spiritual yang tinggi mesti melekat pada diri pengajar atau pendidik. Oleh itu terdapat dua indikator penting dalam kajian ini kaitannya dengan aspek spiritual iaitu Amanah/tanggungjawab dan keikhlasan guru dalam mengajar dan membimbing pelajar-pelajarnya. Jangan dikesampingkan kepentingan aspek spiritual terutamanya dalam sesi P&P. Lebih baik lagi jika pelajar-pelajar berjaya secara holistik dengan guru yang juga berkemampuan holistik.

4. PENUTUP

Hasil kajian didapati daripada analisis kualitatif yang menunjukkan empat aspek kompetensi secara holistik mesti dimiliki guru dalam pengajaran pada sekolah menengah kebangsaan iaitu aspek pengetahuan mengajar, aspek kemahiran mengajar, aspek emosional guru, dan aspek spiritual guru. Fokus kajian ini membincangkan mengenai keempat aspek tersebut dan menjadi peramal kepada pembentukan kompetensi holistik guru dalam aktiviti P&P dalam konteks Makassar dan akan membawa implikasi pada pencapaian kemajuan pengajaran guru. Kajian lanjutan disyorkan untuk mengkaji secara lebih dalam terhadap perkara ini untuk mendapatkan pemahaman yang lebih komprehensif kaitannya dengan kompetensi guru dalam pengajaran di luar konteks Makassar. Selain itu, pengkaji masa depan boleh menggunakan kaedah penyelidikan yang lebih komprehensif bagi mendapatkan data yang lebih bermakna.

RUJUKAN

- Abdul Rahim Hamdan, Ahmad Johari Sihes, Jamaluddin Ramli, & Musa Ismail. (2006). *Tahap Minat, Pengetahuan, dan Kemahiran, Latihan Guru dan Beban Tugas Guru Program Pemulihan Khas Sekolah Kebangsaan Daerah Pontian, Johor*. Skudai, Johor: Fakulti Pendidikan-UTM
- Abdul Rahim Hamdan, Mohd Najib Ghafar, & Lily Ting Hwa Li. (2010). Teaching Competency Testing Among Malaysian School Teachers. *European Journal of Social Sciences*, Vol. 12(Iss.4).

- Abd. Shatar Bin Che Abd. Rahman. (2007). *Pengetahuan Kandungan dan Pedagogi Guru Pendidikan Moral Tingkatan Empat di Sebuah Sekolah*. . Universiti Malaya, Malaysia.
- Achwarin, N. A. (2009). The Study Of Teacher Competence Of Teachers At Schools In The Three Southern Provinces Of Thailand Retrieved from www.journal.au.edu/scholar/2009/.../nareeAwareAchwarin156.doc
- Argyros, I. (2012). Aspects of the holistic approach in teaching. *Modern Technologies of Teaching Foreign Languages*(Selected papers from the International Scientific Conference. Ulyanovsk), pp. 27-31.
- Boyd, D., Goldhaber, D., Lankford, H., & Wyckoff, J. (2007). The effect of Certification and Preparation on Teacher Quality. *Future of Children, Vol.17*(Iss.1), pp.45-68.
- Bowes, K. A., D'Onofrio, A., & Marker, E. S. (2006). Assessing Technology Integration: It's Validity And Value For Classroom Practice And Teacher Accountability. *Australasian Journal Of Education Technology, Vol. 22*(Iss. 4), 439-454.
- Camerino, J. M. (2009). *Professional Development and Its Inpact on Teacher Practice*. University of Southern California, California.
- Campbell, J., Kyriakides, L., Muijs, D., & Robinson, W. (2004). *Assessing Teacher Effectiveness: Developing A Differentiated Model*. London & New York: Routledge Falmer, Taylor & Francis Group.
- Cheetham, G., & Chivers, G. (1996). Towards a holistic model of professional competence. *Journal of European Industrial Training, Vol. 20*(Iss. 5), pp. 20-30.
- Cheng, Y. C. (2005). *New Paradigm For Re-engineering Education: Globalization, Loalization, and Individualization*. Netherlands: Springer
- Cothran, D. J., & Kulinna, P. H. (2008). Teachers' Knowledge About And Use Of Teching models. *The Physical Educator, Vol. 65*(Iss. 3).
- Creswell. (2008). *Educational Research: Planning, Conducting, and evaluating Quantitative & Qualitative Research* (Third ed.). Upper Saddle River, New Jersey: Pearson International Edition, Pearson Prentice Hall.
- Deist, F. D. L., & Winterton, J. (2005). What Is Competence? *Human Resource Development International, Vol. 8*(Iss. 1), pp. 27-46.
- Dunia Pendidikan. (2012, Agustus). Kompetensi Guru Memprihatinkan. *Dunia Pendidikan, XXXVII*, 7.
- Goleman, D. (1996). *Emotional Intelligence*. London: Bloomsbury.
- Goleman, D. (2000). An EI-Based Theory of Performance. In C. C. D. Goleman (Ed.), *The Emotionally Intelligent Workplace: How to Select for, Measure, and Improve Emotional Intelligence in Individuals, Groups, and Organizations*. San Fransisco, CA: Jossey-Bass.
- Gurney, P. (2007). Five Factors for Effective Teaching. *New Zealand Journal of Teachers' Work, Vol. 4*(Iss. 2), pp. 89-96.
- Halimah Harun. (2006). Minat, Motivasi, dan Kemahiran Mengajar Guru Pelatih. *Jurnal Pendidikan.Vol.31*, pp. 83-96.
- HDEAPR. (2010b). *Transforming Indonesia's Teaching Force (from Pre-sevices Training to Retirement: Producing and maintaining a High Quality, Efficient, and Motivated Workforce)*. Jakarta: (Human Development East Asia and Pasific Region) The World Bank.
- Hendricks, C. N. (2008). *Teachers' Perceptions of their ability to implement the National Curriculum Statement in the GET-Band*. Nelson Mandela Metropolitan University, South Africa.
- Jordan, D., & Métais, J. L. (2000). Developing Emotional Intelligence In The Classroom. *AUTUMN, Vol. 11*(Iss. 24).

- Khatoon, H., Azeem, F., & Akhtar, S. H. (2011). The Impact of Different Factors On Teaching Competencies At Secondary Level In Pakistan. *Interdisciplinary Journal of Contemporary Research In Business, Vol.3(Iss.5)*, pp. 648-655.
- Koedel, C. (2008). Teacher Quality and Dropout Outcomes in A Large, Urban School District. *Journal of Urban Economics, Vol. 64(Iss.3)*, pp.560-572.
- Kyriacou, C. (1991). *Essential Teaching Skills*. United Kingdom: Basil Blackwell Ltd
- Lin. (2010). Teacher Quality and Student Performance: The Case of Pennsylvania. *Applied Economics Letters, Vol. 17(Iss. 2)*, pp. 191-195.
- Lin, Xie, J., Jeng, Y.-C., & Huang, S. (2010). The Relationship between Teacher Quality and Teaching Effectiveness Perceived by Students from Industrial Vocational High Schools. *Asian Journal of Arts and Sciences, Vol. 1(Iss. 2)*, pp. 167-187.
- Mattarima, K., & Abdul Rahim Hamdan. (2011). The Teaching Constraints of English as a Foreign Language in Indonesia: The Context of School Based Curriculum. *Sosiohumanika, 4(2)*, pp. 287-300.
- Metzler, J., & Woessmann, L. (2010). The Impact of Teacher Subject Knowledge on Student Achievement: Evidence from Within-Teacher Within-Student Variation Bonn, Germany: IZA DP.
- Mishra, P., & Koehler, M. J. (2006). Technological Pedagogical Content Knowledge: A Framework for Integrating Technology in Teachers' Knowledge. *Teachers College Record, Vol. 108*, pp. 1017-1054.
- Musfah, J. (2011). *Peningkatan Kompetensi Guru Melalui Pelatihan dan Sumber Belajar Teori dan Praktek* (1 ed.). Jakarta: Kencana.
- Nadeem, M., Rana, M. S., Lone, A. H., Maqbool, S., Naz, K., & Ali, A. (2011). Teacher's Competencies and Factors Affecting the Performance of Female Teachers in Bahawalpur (Southern Punjab) Pakistan. *International Journal of Business and Social Science, Vol.2(Iss.19)*, pp.217-223
- Ogienko, O., & Rolyak, A. (2009). Model of Professional Competences Formation: European Dimension. from htk.tlu.ee/tepe/wp-content/uploads/2009/05/Ogienko-Rolyak.pdf
- Pare Pos. (2012, 15 September). Nilai UKG Sulsel di Bawah Rerata Nasional. *Pare Pos*.
- Passos, A. F. J. (2009). *A Comparative Analysis of Teacher Competence and Its Effect on Pupil Performance in Upper Primary Schools in Mozambique and Other SACMEQ Countries* University of Pretoria, Pretoria.
- Saedah Siraj, & Mohammed Sani Ibrahim. (2012). *Standard Kompetensi Guru Malaysia*. Paper presented at the Prosiding Seminar Kebangsaan Majelis Dekan Pendidikan IPTA 2012 (SCOPUS-Cited Publication) Johor Bahru.
- Sanusi, A. (2007). *Fakta, Kebijakan, Ilmu, Faksafah Pendidikan* (Bahan Perkuliahan ed.). Bandung: PPS Uninus.
- Selvi, K. (2010). Teachers' Competencies. *Cultura, International Journal of Phylosophy Of Culture And Axiology, Vol. VII(Iss. 1)*, pp. 167-175.
- Shulman. (1986). Those Who Understand: Knowledge Growth in Teaching. *Educational Researcher, Vol. 15*, pp. 4-15.
- Shulman. (1987). Knowledge and Teaching: Foundation of The New Reform. *Harvard Educational Review, Vol. 57(Iss. 1)*, pp.1-21.
- Siddiqui, T. K. (2010). *A Study Of Teacher Competencies And Teaching Practices For School Effectiveness In Workers Welfare Model Schools*. Foundation University College of Liberal Arts and Sciences, Rawalpindi Pakistan, Pakistan.

- Sukmadinata. (2006). *Pengembangan Kurikulum: Teori dan Praktik*. Bandung: Rosdakarya.
- Turner-Bisset, R. (2010). *Pengajaran Pakar (Expert Teaching): Siri Pembangunan Profesion Perguruan* (M. F. Yaacob, Trans.). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Wachidi. (2010). *Kedudukan Dan Peran Guru Dalam Mengembangkan Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan (KTSP) Untuk Meningkatkan Mutu Pendidikan*. Paper presented at the Rapat Terbuka Senat Universitas Bengkulu-Orasi Ilmiah Pengukuhan Jabatan Guru Besar Dalam Bidang Pengembangan Kurikulum.